



Received: 2023-12-17

Accepted: 2023-12-27

Published: 2023-12-30

Original Article

Aplikasi *Maşlahah Mursālah* Dalam Perluasan Takrifan Asnaf Zakat Dan Kesannya Dalam Mendepani Krisis Kemiskinan Di Malaysia

(The Application of Maşlahah Mursālah in Expanding the Definition of Zakat Recipients And Its Impact on Addressing Poverty Crisis in Malaysia)

Muhammad Safwan Harun^{a*}, Hafizi Zikry Hasim^b, Muhammad Ikhlas Rosele^c & Abdul Karim Ali^d

^a Senior Lecturer, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

^b Postgraduate Student, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

^c Associate Professor, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

^d Professor, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

* Corresponding author, email; safone_15@um.edu.my

ABSTRACT

Changing times have led to the emergence of contemporary issues on Islamic jurisprudence (fiqh) without specific legal evidence (nas hukum). Consequently, they use of alternative legal sources, which is *maşlahah mursālah* to solve the issues. *Maşlahah mursālah* is an instrument employed by scholars (fuqaha) to address Islamic legal issues lacking specific evidence. In the context of zakat distribution management, certain categories of recipients (asnaf), especially those related to fi sabilillah, are observed to no longer exist due to the absence of 'illah (legal cause) for these recipients. To enhance productivity in zakat distribution, scholars engage in ijtihad, considering *maşlahah mursālah* as one of the arguments for expanding the definition of these recipients. Therefore, this article evaluates the application of *maşlahah mursālah* as a rationale for broadening the definition of fi sabilillah recipients based on criteria established by fuqaha. It also assesses the effects of expanding the definition of fi sabilillah recipients in addressing contemporary poverty crises. The qualitative research conducted focuses solely on fi sabilillah recipients. The findings indicate that the use of *maşlahah mursālah* in expanding the definition of recipients has a significant impact on the quantity of zakat distribution. In a nut shell, authorities should reconsider the consequences of broadening the definition of zakat recipients in the present context, prioritizing more deserving recipients to alleviate poverty.

Keywords: *Maşlahah mursālah*, Zakat Distribution, fi sabilillah, Asnaf Interpretation & Zakat Recipients

Pendahuluan

Dalam syariat Islam perubahan hukum berlaku disebabkan perubahan zaman dan tempat. Walaupun begitu, perubahan hukum yang dibenarkan ialah hukum-hukum yang tidak bersifat *qat'ie* seperti kewajipan solat fardhu, kewajipan berpuasa di bulan Ramadan dan sebagainya. Ini bermaksud hukum-hukum yang terkesan dengan perubahan ialah hukum-hukum yang bersifat *zanni* kerana ianya terbuka kepada ruang untuk para fuqaha berijtihad.

Fiqh zakat mempunyai sedikit keistimewaan berbanding dengan permasalahan fiqh yang lain. Hal ini kerana para ulama tidak meletakkan zakat di dalam bab ibadah semata-mata bahkan mereka meletakkan zakat di dalam bab muamalat yang boleh terdedah kepada perubahan hukum. Oleh sebab itu, para ulama mengharuskan penggunaan *maṣlahah* dalam menyelesaikan permasalahan baru yang timbul khususnya berkaitan dengan fiqh zakat melalui jalan ijtihad. Kegagalan dalam menyelesaikan masalah ini akan menyebabkan banyak perkara berkaitan zakat tidak dapat diselesaikan dengan baik.¹

Pentakrifan asnaf merupakan salah satu pengaplikasian ijtihad dalam fiqh zakat.² Penggunaan *maṣlahah mursalah* sebagai sumber rujukan dan panduan dalam berijtihad bukanlah perkara yang baru dan ianya telah dipraktikkan sejak zaman awal Islam lagi.³ Asnaf *fi sabillillah* merupakan salah satu daripada lapan golongan asnaf yang disebutkan di dalam al-Quran. Sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ

Terjemahan: Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha bijaksana.

¹ Mohamad Zaim Ismail, Mohd Farhan Md. Ariffin & Mohd Anuar Ramli "Instrumen Ijtihad dan Aplikasinya dalam Isu Zakat," dalam *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*, ed. Razali Md. Jani et al. (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat, 2020), 35

² *Ibid*, 40

³ Mansor Sulaiman et al., "Ijtihad dan Perkaitannya Dengan Masalah: Suatu Kupasan", Kertas Kerja dibentang di The 4th International Conference on Islam and Higher Education (ICIHE-2016), Kolej Yayasan Pahang, Kuantan, Pahang, 5-6 Oktober 2016), 10. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/23474/>

Ayat di atas bersifat *dalalah zanniyah* yang mempunyai ruang untuk para fuqaha melakukan ijtihad.⁴ Juhur ulama telah menafsirkan kalimah *fi sabilillah* sebagai orang yang berjihad di jalan Allah.⁵

Realiti di Malaysia pada hari ini, pengagihan zakat di bawah asnaf *fi sabilillah* bukan lagi digunakan dengan tujuan untuk membantu mereka yang berjihad di jalan Allah sepertimana yang digariskan oleh juhur fuqaha. Kebanyakan institusi zakat di negara ini lebih cenderung untuk menterjemah makna *fi sabilillah* dengan bentuk jihad yang moden. Bagi menyesuaikan dengan definisi tersebut, *maṣlaḥah mursālah* telah digunakan sebagai salah satu hujah untuk membuka pintu perluasan bagi takrifan asnaf ini. Perluasan takrifan ini juga akan memberi kesan terhadap pengagihan zakat.

Oleh itu, artikel ini akan menilai penggunaan *maṣlaḥah mursālah* sebagai salah satu hujah kepada perluasan takrifan asnaf *fi sabilillah* sama ada menepati syarat-syarat yang digariskan oleh para fuqaha ataupun sebaliknya.

Takrifan Asnaf *fi Sabilillah* Menurut Para Ulama

Asnaf *fi sabilillah* merupakan salah satu asnaf yang berhak untuk menerima zakat. Dalam ayat ke-60 surah al-Taubah, Allah SWT telah menyatakan asnaf ini pada kedudukan yang ketujuh dalam turutan asnaf. Jika diterjemahkan secara literal, asnaf *fi sabilillah* ini boleh difahami sebagai mereka yang berada di jalan Allah. Namun begitu, takrifan tersebut tidak memadai dan perlu kepada penjelasan yang lebih lanjut. Dalam hal ini, para ulama daripada pelbagai mazhab telah memberikan takrifan yang jelas terhadap asnaf tersebut. Misalnya, dalam mazhab Hanafi yang dinukilkan oleh Abu Yusuf asnaf *fi sabilillah* bermaksud peperangan dan ada juga satu pandangan lain iaitu daripada Muhammad yang menyatakan *fi sabilillah* dengan maksud menunaikan haji.⁶ Pandangan beliau ini adalah berasaskan sebuah riwayat di mana seorang lelaki telah menjadikan untanya untuk berjihad *fi sabilillah*, maka Rasulullah mengarahkan supaya unta itu dibawa bersama untuk menunaikan haji.⁷ Adapun menurut Al-Kasani, *fi sabilillah* ialah mereka yang sedang berusaha melakukan ketaatan kepada perintah Allah. Hal tersebut termasuk juga segala jalan yang menuju kebaikan.⁸ Beliau

⁴ Azman Ab Rahman, Arieff Salleh Rosman & Muhamad Firdaus Ab Rahman, "Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia", (Kertas Kerja dibentang di Seminar Waqf Iqlimi 2014, Nilai, Negeri Sembilan, 29 April 2014), 87.

⁵ Muhammad Bin Jarīr Al-Ṭabarī, *Jāmi' Al-Bayān 'An Takwīl Ayat Al-Quraan* (Mekah: Dār al-tarbiyyah wa Al-Turāth, t.t.), 14:316

⁶ 'Alī bin Abī Bakar bin 'Abd al-Jalīl al-Farghāni, *Matan Bidāyah Al-Mubtadī Fī Fiqh Al-Imam Abī Hanīfah*, (Kaherah: Maktabah Wa Matb'ah Muhammad 'Alī Ṣobah, t.t), 37

⁷ 'Alī bin Abī Bakar bin 'Abd al-Jalīl al-Farghāni, *Al-Hidāyah Fī Sharh Bidāyah al-Mubtadī*, (Beirut; Dār Ihya' al-turath al-'Arabi, t.t), 1:110

⁸ Abū Bakar bin Masud al-Kāsaānī, *Badā'ī al-ṣanā'ī' fī tartīb al-Sharai'*, (Beirut: Dār al-Kutub Ilmiah, 1986), 2:46

menegaskan bahawa di sisi mazhab Hanafi, orang kaya tidak boleh menerima zakat di bawah asnaf ini kecuali sekiranya ada hajat.⁹

Sementara itu, bagi mazhab Maliki yang dimaksudkan dengan *fi sabilillah* ialah mereka yang berjihad di dalam peperangan dan tidak termasuk mereka yang mengerjakan haji sepertimana yang dinayatakan dalam mazhab Hanafi.¹⁰ Pandangan ini juga mensyaratkan bahawa seseorang itu mestilah seorang lelaki muslim yang merdeka, baligh dan ada kekuatan untuk berjihad. Sekiranya mereka tidak memenuhi syarat-syarat ini maka mereka tidak layak untuk menerima zakat di bawah asnaf *fi sabilillah*.¹¹ Dalam mazhab Maliki mereka yang kaya juga masih boleh menerima zakat di bawah asnaf *fi sabilillah* sekiranya mereka terlibat dengan peperangan dan pendapat yang menyatakan orang kaya tidak boleh menerima zakat ialah pendapat yang lemah.¹²

Menjelaskan takrifan bagi asnaf ini, mazhab Shafie mengertikan asnaf ini sebagai mereka yang terlibat dalam peperangan dan mereka tidak memperoleh sebarang pendapatan daripada pihak pemerintah. Sekiranya mereka mempunyai pendapatan maka mereka tidak layak untuk menerima zakat di bawah asnaf *fi sabilillah*.¹³ Dalam Mazhab Hanbali pula, Ibn Qudamah mentakrifkan *fi sabilillah* dengan maksud mereka yang berperang dan berjihad di jalan Allah.¹⁴ Dalam kitab al-Kāfi, Ibn Qudamah menyatakan maksud *fi sabilillah* sebagaimana dijelaskan dalam mazhab Shafie. Termasuk juga dalam takrifan adalah pembelian peralatan peperangan seperti pedang dan kuda.¹⁵

Berdasarkan takrifan yang dinyatakan, dapat diperhatikan inti yang hampir sama antara pandangan mazhab. Oleh kerana itu, beberapa titik persamaan dapat dikenalpasti dalam takrifan asnaf *fi sabilillah* yang dikeluarkan dikalangan empat mazhab¹⁶ iaitu:

- i. Jihad merupakan perkara yang termasuk dalam asnaf *fi sabilillah*
- ii. Orang yang layak untuk menerima zakat di bawah asnaf *fi sabilillah* adalah merujuk kepada orang yang berjihad.
- iii. Dana zakat tidak harus digunakan dengan tujuan kebaikan atau *maṣlaḥah* secara umum diluar pengertian *fi sabilillah*.

Di samping itu, terdapat beberapa takrifan lain terhadap asnaf ini dari perspektif ulama mutaakhirin. Antaranya adalah daripada Wahbah Zuhaily yang mentakrifkan *fi sabilillah* dengan merujuk mereka yang berjihad di medan tempur dan tidak

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Muhammad bin Ahmad bin'Arafah al-Dusūki al-Mālikī, al-Sharh al-Kabīr Li Sheikh al-Dardīr wa Hāsyiah al-Dusūki, (t.tp: Dār al-Fikr, t.t), 1:497

¹¹ *Ibid.*

¹² Abū al-'Abās Ahmad bin Muhammad al-Khulūti al-Ṣāwī, Hāsyiah al- Ṣāwī a'la Sharh al-Saghīr, (t.tp: Dār al-Ma'arif, t.t), 1:663

¹³ Imam Nawawi, al-Majmu' Syarah Muhazab, (Jordan: Bait al-Afkar al-Dauliyah, 2009), 1377

¹⁴ Abū Muhammad 'Abd Allah bin Muhammad bin Qudāmah, al-Mughnī Li Ibn Qudāmah, (Kaherah: Maktabah al Kaherah, 1969), 6:21

¹⁵ Abū Muhammad 'Abd Allah bin Muhammad bin Qudāmah, al-Kāfi fi Fiqh al-Imām Ahmad bin Hanbal, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 1:471

¹⁶ Yusuf al-Qaradawi, Fiqh Zakat, (Beirut: Muasasah Risalah, 1973), 2:644

memperoleh pendapatan sebagai seorang tentera. Beliau menyatakan sedemikian dengan berhujahkan kalimah *al-sabil* itu diterjemahkan dengan peperangan dan ianya bersesuaian dengan firman Allah SWT antaranya (وقاتلوا في سبيل الله) dan ayat-ayat jihad yang lain. Wahbah Zuhaily juga menyatakan bahawa walaupun seseorang itu kaya, namun apabila dia melibatkan diri dalam peperangan maka dia berhak untuk menerima zakat di bawah asnaf ini atas tujuan *maṣlaḥah ammah*.¹⁷

Selain itu, al-Qaradawi turut mengemukakan satu pandangan yang mempunyai perspektif baharu dalam menterjemahkan makna asnaf *fi sabilillah*. Beliau menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan asnaf *fi sabilillah* ialah segala perbuatan untuk menegakan kalimah Allah dan tidak terhad semata-mata dengan berjihad di medan perang sahaja. Lantaran itu, beliau meluaskan lagi skop jihad hingga mencakupi jihad dalam bidang pemikiran, berjihad dalam bidang ekonomi dan lain-lain lagi.¹⁸

Seiring dengan idea al-Qaradawi, Manā' al-Qaṭān bersetuju bahawa para ulama telah sepakat mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan *fi sabilillah* ialah jihad. Namun, wasilah yang digunakan untuk berjihad boleh berubah dari zaman ke zaman. Situasi pada hari ini menyaksikan serangan dalam bentuk pemikiran telah berlaku di seluruh pelusuk dunia. Bermakna, cabaran atau serangan pemikiran ini perlu ditangani dengan jihad oleh umat Islam. Oleh kerana itu, persediaan dalam pembentukan para pendakwah untuk mendepani masalah tersebut melalui jihad menggunakan pena, lisan dan dialog berada pada martabat yang sama seperti mempertahankan agama dengan senjata.¹⁹

Berdasarkan perbincangan takrif *fi sabilillah* yang diketengahkan, dapat dikenalpasti dua pola utama dalam memberikan definisi terhadap asnaf ini. Aliran pertama yang terdiri daripada para ulama mutaquadimin. Golongan ini lebih cenderung untuk menghadkan takrifan asnaf *fi sabilillah* dengan makna berperang di jalan Allah. Manakala aliran kedua yang dipelopori oleh ulama mutaakhirin, mereka lebih cenderung untuk meluaskan konsep *fi sabilillah* mencakupi aspirasi jihad dalam mempertahankan agama Allah melalui wasilah yang pelbagai. Ini bermaksud, penafsiran yang dibuat oleh ulama mutaakhirin mengambilkira objektif disebalik takrifan asal jihad iaitu mempertahankan agama sekalipun keadah dan keadaannya berbeza dengan jihad di lapangan peperangan.

Skop dan Metodologi

Metodologi kajian yang dipilih dalam menghasilkan artikel ini ialah metode kualitatif dengan menjadikan kajian perpustakaan sebagai salah metode dalam pengumpulan data. Dalam kajian ini, pengkaji mengumpulkan data daripada sumber-sumber primer dan sekunder. Sumber primer yang digunakan ialah kitab-kitab muktamad fiqh mazhab dan kitab-kitab berkaitan usul fiqh. Manakala bagi sumber sekunder pengkaji telah

¹⁷ Wahbah bin Muṣṭafā A-Zuhaily, *al-Fiqh al-Islām wa Adilatuh*, (Damsyik: Dār al-Fikr, t.t), 3:1957

¹⁸ Yusuf al-Qarḍawi, *Fiqh al-Zakat*, (Beirut: Muasasah Risalah, 1973), 2:653

¹⁹ Manā' al-Qaṭān, *Tafsīr Ayāt al-Ahkām*, (Kaherah: Maṭba'ah al-Madanī, 1975), 374

mengumpulkan data daripada artikel, tesis, laman sesawang dan sebagainya. Data-data yang diperoleh akan disaring dan dianalisis melalui tiga kaedah utama iaitu induktif, deduktif dan komparatif.

Dari segi limitasi kajian, artikel ini bakal meninjau penakrifan asnaf fi sabilillah di Malaysia. Ini bermaksud, asnaf selain itu tidak termasuk dalam konteks perbincangan artikel. Pemilihan asnaf tersebut dibuat berdasarkan kepada isu agihan yang sering timbul melibatkannya. Justeru, penelitian terhadap takrifan dan amalan agihan terhadap asnaf ini dibuat bagi melihat kesan pembasmian kemiskinan melalui program agihan zakat di negeri-negeri di Malaysia.

Hasil Kajian

Pengertian *Maṣlaḥah Mursālah*

Perkataan *maṣlaḥah mursālah* terdiri daripada dua perkataan iaitu *maṣlaḥah* dan *mursālah*. *Maṣlaḥah* merupakan sebuah perkataan daripada bahasa arab daripada kata akar صلح yang membawa maksud manfaat atau kebaikan.²⁰ Manakala kalimah *maṣlaḥah* (مصلحة) merupakan kata terbitan (*maṣdar*) daripada kata akarnya (صلح).²¹ (Rosyadi, 2012). Terdapat beberapa perkataan yang seerti atau hampir sama dengan *maṣlaḥah* antaranya *al-khayr* (kebaikan), *al-nafi'* dan *al-hasanah* (kebaikan).²² Dapat difahami daripada takrifan lughawi, perbincangan *maṣlaḥah* itu berputar dalam paramater menarik kebaikan dan menolak kemudaratan.

Terdapat pelbagai pandangan para fuqaha dalam memberikan makna bagi *maṣlaḥah* daripada sudut istilah. Al-Ghazālī mendefinisikan *maṣlaḥah* sebagai sebagai suatu perkara yang mendatangkan kebaikan dan menolak segala kemudaratan. Beliau menyatakan bahawa *maṣlaḥah* itu perlulah selari dengan kehendak syarak dan bukannya kehendak manusia yang mana ianya boleh dipengaruhi hawa nafsu. Menurut Al-Ghazālī, apabila seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang tujuannya untuk menjaga *al-ḍarūriyyat al-khams* maka ianya akan dikira sebagai *maṣlaḥah*. Ramaḍān al-Buṭī telah mendefinisikan *maṣlaḥah* sebagai manfaat yang datang daripada Syāri' untuk hambanya bagi memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.²³ Dalam takrifan ini beliau telah meletakkan penjagaan *al-ḍarūriyyat al-khams* sepertimana yang digariskan oleh Al-Ghazālī. Menurut Al-Buṭī, neraca pertimbangan bagi *maṣlaḥah* dalam Islam mestilah selari dengan kehidupan di dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, daripada tarkifan di atas dapat difahami perbincangan *maṣlaḥah* itu berputar dalam paramater menarik kebaikan dan menolak kemudaratan.

²⁰ Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukaram, *Lisān al-A'rāb* (Beirut: Dār Ṣodir, 1993), 2:517.

²¹ Imron Rosyadi, "Maslahah Mursalah Sebagai Dalil Hukum", *Jurnal SUHUF* 24, No. 1, (2012), 14 – 25

²² H. Said Agil Husun al-Munawar, "Konsep al-Maslahah Sebagai Salah Satu Sumber Perundangan Islam", *Jurnal Islāmiyyāt* 18 & 19, (1998): 61.

²³ Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *Al-Mustaṣfā fī 'Ilm al-Uṣūl* (t.tp: Dār al-Kutub Ilmīah, 1993), 174.

Seterusnya, *mursālah* pula di ambil daripada kalimah الإرسال yang membawa makna melepaskan sesuatu tanpa ada pengikat.²⁴ Dalam konteks ini, *mursālah* bermaksud tidak ada dalil yang mengikatnya sama ada dalam menerima atau menolaknya.²⁵ Oleh itu, *maṣlaḥah mursālah* bermakna setiap manfaat yang termasuk dalam maqasid syariah tanpa ada pengiktibaran terhadapnya daripada syarak sama ada dalam menerima atau menolaknya.²⁶

Penghujahan *Maṣlaḥah Mursālah* Dalam Pembinaan Hukum Islam

Maṣlaḥah mursālah merupakan salah satu daripada tiga pembahagian *maṣlaḥah* menurut perspektif syarak. Para fuqaha bersetuju *maṣlaḥah mu'tabarah* dibenarkan untuk menjadi hujah dalam pembinaan hukum Islam kerana terdapatnya dalil yang menyokongnya, manakala *maṣlaḥah mulghah* pula tidak dibenarkan kerana bertentangan dengan syarak. Di antara *maṣlaḥah mu'tabarah* dan *maṣlaḥah mulghah* terdapatnya *maṣlaḥah mursālah*, iaitu *maṣlaḥah* yang tidak ada dalil dalam menerima atau menolaknya. Oleh sebab itu, penghujahan *maṣlaḥah mursālah* dalam pembinaan hukum Islam merupakan salah satu perkara yang menjadi perselisihan dalam kalangan para fuqaha. Hasil daripada khilaf permasalahan ini telah menyebabkan wujudnya dua golongan yang utama iaitu mereka yang bersetuju dengan penggunaan *maṣlaḥah mursālah* dan mereka yang tidak bersetuju dengan penggunaan *maṣlaḥah mursālah*. Perincian bagi masalah ini adalah seperti berikut:

a. Pandangan yang tidak membenarkan

Secara asasnya, para fuqaha sepakat bersetuju dengan konsep *maṣlaḥah* itu sendiri iaitu menarik segala kebaikan dan menolak segala keburukan. Namun, dalam bab penggunaan *maṣlaḥah mursālah* sebagai hujah terdapat sebahagian para fuqaha telah mengambil jalan untuk tidak bersetuju dengan penggunaan *maṣlaḥah mursālah* atas beberapa sebab. Sebahagian ulama Shafiiyah dan Hanafiah mereka yang tidak bersetuju menggunakan *maṣlaḥah mursālah* disebabkan mereka telah meletetakan perbincangan *maṣlaḥah mursālah* di dalam bab qiyas.²⁷ (Abu Zahrah, t.t). Berikut merupakan hujah-hujah yang digunakan bagi golongan yang tidak menerima penggunaan *maṣlaḥah mursālah*:

- I. Penggunaan *maṣlaḥah mursālah* telah menyebabkan berlakunya peninggalan terhadap sebahagian daripada *maṣlaḥah* manusia.
- II. Terdapat percanggahan di antara *maṣlaḥah mursālah* dengan *maṣlaḥah mu'tabarah* dan *mulghah*.
- III. Pengaplikasian *maṣlaḥah mursālah* akan membawa kepada terbukanya pintu kesesatan dalam mengeluarkan hukum kerana ianya didasari dengan hawa nafsu.

²⁴ Abdul Karim Al-Namlah, *Al-Muhazab Fi Ilmi Usul Al-Fiqh Al-Muqaran* (Riyadh, Maktabah Al-Rushd, 1999), 3:1003.

²⁵ *Ibid*

²⁶ Ramadan Al-Buti, *Dawabit Al-Maslahah Fi Al-Shariah Al-Islamiyah* (Damsyik: Dar Al-Fikr, 2018), 342.

²⁷ Muhammad Abu Zahra, *Usul Fiqh* (t.tp: Dar Al-Fkir Al-'Arabi, t.t), 280.

b. Pandangan yang membenarkan

Pandangan yang membenarkan banyaknya dipelopori dalam kalangan ulama Malikiyyah dan Hanabilah. Para ulama Malikiyyah merupakan antara golongan yang terkehadapan dalam penggunaan *maṣlaḥah mursālah*. Antara hujah yang digunapakai dalam menerima *maṣlaḥah mursālah*,²⁸ ialah:

- I. Kehidupan manusia yang sentiasa berkembang menyebabkan *maṣlaḥah* manusia berubah. Pengabaian terhadap *maṣlaḥah* manusia bertentangan dengan konsep syarak untuk menjaga *maṣlaḥah* manusia.
- II. Kebanyakan hukum syariah berdiri di atas pengiktibaran dan penjagaan *maṣlaḥah*.
- III. Penggunaan *maṣlaḥah* dalam ijtihad oleh para sahabat sehingga para imam mazhab lebih luas dipraktikkan berbanding qiyas sehingga boleh menyebabkan jatuh ke tahap *ijma'*.

Akhir sekali, khilaf dalam penggunaan *maṣlaḥah mursālah* hanyalah bersifat khilaf *lafzi*.²⁹ Hal ini dapat dibuktikan bilamana hampir kesemua ulama mengaplikasikan kaedah ini dalam proses mengeluarkan hukum mengikut mazhab masing-masing. Cumanya, istilah yang digunakan antara ulama berbeza sungguhpun intipatinya masih sama. Dalam hal ini, ada ulama yang menggunakan istilah *qiyas*, *munasib mursal*, *istislah* dan sebagainya. Justeru itu, dapat disimpulkan majoriti para fuqaha bersetuju dalam menggunakan *maṣlaḥah mursālah* sebagai salah dalil dalam proses pembinaan hukum.³⁰

Syarat-Syarat untuk Beramal Dengan *Maṣlaḥah Mursālah*

Sepertimana yang telah dinyatakan, para fuqaha bersetuju dalam penggunaan *maṣlaḥah mursālah* sebagai salah satu metode untuk mengeluarkan hukum dengan syarat perlulah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, para fuqaha berbeza pandangan dalam meletakkan syarat-syarat untuk beramal dengan *maṣlaḥah mursālah*. Namun, tujuan syarat-syarat ini diletakkan adalah bagi mengelakkan penyalahgunaan *maṣlaḥah mursālah* yang disebabkan oleh hawa nafsu. Al-Ghazali merupakan salah seorang fuqaha yang meletakkan syarat yang agak ketat dalam pemakaian *maṣlaḥah mursālah*. Antara syarat-syarat yang telah digariskan oleh Al-Ghazali ialah³¹:

- I. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah bersifat *ḍaruriyat*.
- II. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah bersifat *kulliyyat*.

²⁸ Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh* (Damsyik, Dar Al-Fikr, 2018), 95.

²⁹ Muhammad Hussin Bin Hassan Al-Jizani, *Ma'alim usul fiqh 'Inda Ahlu Al-Sunnah Wa Al-Jamaah* (Saudi: Dar Ibn Jauzi, 1427H), 238.

³⁰ Iyad Bin Nami Al-Salmi, *Usul Al-Fiqh La Yasau' Al-Faqih Jahulahu* (Riyadh: Dar Al-Tadmiriyyah, 2005), 207.

³¹ Badrudin Muhammad Bin Abdullah Al-Zarkasyi, *Tashnif Al-Musami' bi Jamu' Al-Jawami'* (Mekah: Al-Maktabah Al-Makiyyah, 1998), 3:22.

III. *Maṣlaḥah* tersebut hendaklah bersifat *qaṭi'e*.

Al-Shaṭībī merupakan salah seorang daripada kalangan ulama Malikiyyah yang terkenal dengan penggunaan *maṣlaḥah mursālah* turut meletakkan beberapa syarat dalam pemakaian *maṣlaḥah mursālah*. Namun begitu, terdapat sedikit kelonggaran dalam syarat ini berbanding syarat yang ditetapkan Al-Ghazālī.³² Antara syarat yang ditetapkan oleh Al-Shaṭībī ialah³³:

- I. *Maṣlaḥah mursālah* tersebut mestilah selari dengan objektif syarak.
- II. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah mampu digambar dengan akal pada zatnya.
- III. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah bersifat haqiqi.
- IV. Pengaplikasian *maṣlaḥah mursālah* mestilah mampu untuk mengangkat kesusahan.

Seterusnya, para ulama kontemporari turut tidak ketinggalan dalam meletakkan syarat-syarat bagi penggunaan *maṣlaḥah mursālah*. Abd Wahab Khalaf dalam karya beliau telah menggariskan tiga syarat dalam pemakaian *maṣlaḥah mursālah*, namun begitu terdapat sedikit persamaan dengan syarat-syarat yang digariskan Al-Shaṭībī.³⁴

- I. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah bersifat haqiqi.
- II. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah bersifat ammah.
- III. *Maṣlaḥah* tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan syarak.

Oleh itu, berdasarkan syarat-syarat yang diletakkan oleh para ulama di atas, dapat dirumuskan tiga syarat utama dalam beramal dengan *maṣlaḥah mursālah*, iaitu:

- I. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah selari dengan tujuan dan dalil syarak.
- II. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah bersifat haqiqi.
- III. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah bersifat universal atau 'ammah.

Secara kesimpulannya, penggunaan *maṣlaḥah mursālah* secara terbuka dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menyebabkan berlakunya banyak keburukan serta hukum hakam yang terbina tidak akan konsisten.

Analisis Kesan Pengaplikasian Maṣlaḥah Mursālah Dalam Membasmi Kemiskinan

Pengaplikasian *maṣlaḥah mursālah* sebagai dasar dalam berijtihad amat penting bagi membolehkan para ulama menyelesaikan pelbagai permasalahan hukum yang timbul di negara ini. Walaubagaimanapun, ianya perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh para fuqaha. Dalam konteks semasa, penerapan konsep *maṣlaḥah mursālah* telah membuka perluasan takrifan asnaf zakat khususnya asnaf fī sabilillah. Perluasan takrifan

³² *Ibid*

³³ Ibrahim Bin Musa Bin Muhammad Al-Shaṭībī, *Al-I'tisām* (Saudi: Dār Ibn 'Affan, 1992), 2:609.

³⁴ Abd Wahab Khalaf, *'Ilm Usul Fiqh* (t.tp: Maktabah Al-Dakwah Al-Islamiyyah, t.t), 86-87.

asnaf zakat ini akan menyebabkan berlakunya pengagihan zakat yang tidak seimbang dan akhirnya objektif utama zakat untuk membasmi kemiskinan itu tidak akan diperolehi.

Saban hari, dapat diperhatikan bahawa kadar kemiskinan di negara ini semakin berada dalam keadaan yang membimbangkan. Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Negara, kadar kemiskinan di bandar ataupun lebih dikenali sebagai golongan miskin bandar telah meningkat daripada 3.9 peratus kepada 4.5 peratus pada tahun 2022. Data juga menjelaskan bahawa terdapat penurunan sebanyak 0.4 peratus daripada 12.4 peratus kepada 12.0 bagi golongan miskin luar bandar.³⁵ Walaupun terdapat penurunan bagi golongan miskin luar bandar, namun tidak boleh dipandang enteng akan perihal masalah kemiskinan yang melanda bagi golongan miskin bandar. Peningkatan kadar kemiskinan ini boleh menyebabkan berlakunya pelbagai kesan buruk seperti masalah sosial, masalah jenayah dan sebagainya.

Agama Islam sangat menjaga kebajikan umatnya. Oleh sebab itu, dalam Islam terdapat pelbagai instrumen kewangan seperti zakat, sedekah, waqaf dan lain-lain. Pensyariatan zakat tidak terbatas pada pengeluaran zakat sahaja, bahkan ia juga merangkumi skop pengagihan zakat itu sendiri. Ini bermakna zakat bukan semata-mata bersifat ta'abudi, bahkan disitu juga wujud hubungan antara manusia. Dalam surah Al-Taubah ayat 60, antara asnaf yang terawal disebut dalam ayat tersebut ialah asnaf fakir dan miskin. Mengikut kaedah bahasa arab, sesuatu itu tidak akan disebut di permulaan melainkan perkara itu sangat penting (لا تبدأ إلا بالأهم فالأهم).³⁶ Maka, dapat difahami bahawa objektif utama daripada pemberian zakat ini adalah untuk membasmi kemiskinan dalam masyarakat Islam khususnya.³⁷

Selain itu, para ulama telah membahagikan asnaf kepada dua golongan utama berdasarkan dalil pensyariatan asnaf zakat. Empat asnaf yang pertama, ianya dikenali sebagai asnaf muqaddam yang terdiri daripada asnaf fakir, miskin, amil dan mualaf. Manakala empat yang terakhir pula diberi nama sebagai asnaf muaakhar yang meliputi asnaf al-gharimin, al-riqab, fi sabilillah dan ibn sabil. Dalam pengagihan zakat, asnaf muqaddam perlu diutamakan berbanding dengan asnaf muaakhar.³⁸ Namun begitu, pada hari ini data pengagihan zakat menunjukkan nilai pengagihan kepada asnaf fi sabilillah berada di kedudukan yang lebih tinggi berbanding asnaf muqadam yang lain. Misalnya, jumlah pengagihan zakat di Lembaga Zakat Selangor asnaf fi sabilillah berada

³⁵ Mohd Zaky Zainudin, "Kadar miskin mutlak turun," Berita Harian Online, 29 Julai 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1133088/kadar-miskin-mutlak-turun>

³⁶ Abū Ishāk Ibrāhīm Bin 'Alī Bin Yūsuf Al-Shairāzī, *Al-Muhazab fī Al-Fiqh Al-Imām Al-Shāfi'e* (Damsyik: Dār Al-Qalam, 1992), 1:566.

³⁷ Yūsuf Al-Qarḍāwī, *Fiqh Al-Zakat* (Beirut: Muassasah Al-Risālah, 1973), 2:544.

³⁸ Nurul Ain Mohd, Mastura Razali, Aina Nabila Asmuri & Muhamad Hasif Yahaya, "Concept of asnaf al-gharimin: practices at Lembaga Zakat Selangor," *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, Vol. 6, S16, (2021), 33-38, <https://doi.org/10.21834/ebpj.v6iS16.3038>

di kedudukan yang ketiga selepas fakir dan miskin.³⁹ Bahkan di Wilayah Persekutuan, pengagihan zakat kepada asnaf fi sabilillah lebih tinggi berbanding kepada asnaf fakir.⁴⁰ Perluasan takrifan fi sabilillah telah menyebabkan berlakunya pengabaian asnaf yang lebih utama. Sedangkan dalam hal ini, Imam Shafie misalnya menyatakan bahawa terdapat empat golongan yang perlu diberi keutamaan dalam pengagihan zakat iaitu fakir, miskin, al-ghārimīn dan ibn sabīl.⁴¹ Hal ini disebabkan pada kebanyakan negara Islam keempat-empat asnaf ini masih wujud sehingga hari ini.⁴² Di samping itu, para fuqaha juga telah mengeluarkan satu kaedah (المعدوم لا سهم له) iaitu asnaf yang sudah tidak wujud lagi pada zaman kini boleh dikecualikan dalam pemberian zakat kepadanya.⁴³

Seterusnya, perluasan takrifan asnaf fi sabilillah juga menyebabkan berlakunya pengagihan yang tidak seimbang. Hal ini disebabkan kebanyakan skim bantuan yang diberikan di bawah asnaf fi sabilillah digunakan atas jalan kebaikan seperti pembinaan masjid atau surau, renovasi institusi pendidikan dan lain-lain. Pengagihan yang tidak seimbang ini juga berlaku kerana terdapat orang kaya turut menerima zakat di bawah asnaf fi sabilillah. Sedangkan terdapat hadis yang menyatakan bahawa zakat itu perlu diambil daripada golongan kaya dan perlu diserahkan kepada golongan fakir atau miskin.⁴⁴ Walaupun terdapat juga hadis lain yang membenarkan lima golongan orang kaya sahaja yang boleh menerima zakat dan salah satunya al-ghāzī iaitu orang yang berperang di jalan Allah.⁴⁵ Jika disoroti dalam karya para ulama, orang yang berhak menerima zakat di bawah asnaf fi sabilillah adalah mereka yang tidak memperolehi gaji daripada pihak kerajaan.⁴⁶ Ini bermaksud mereka turut berada dalam kelompok fakir atau miskin. Oleh itu, dapat difahami asas pengagihan zakat itu sendiri akan kembali manfaatnya untuk membantu golongan fakir dan miskin.

Kesimpulan

Penggunaan *maṣlaḥah mursālah* dalam takrifan asnaf zakat akan menyebabkan berlakunya perluasan takrifan asnaf. Perluasan takrifan asnaf ini akan memberi kesan kepada pengagihan zakat itu sendiri. Oleh itu, tidak menjadi kesalahan untuk

³⁹ Data Terbuka LZS, "Agihan Mengikut Asnaf Tahun 2021", Lembaga Zakat Selangor, <https://www.zakatselangor.com.my/dataterbukalzs/>

⁴⁰ MAIWPNOW Dashboard, "Agihan Zakat Mengikut Asnaf", MAIWPNOW, <https://maiwpnow.maiwp.gov.my/>

⁴¹ Abū 'Abdullah Muhammad Bin Idrīs Al-Shafie, *Al-Umm* (Beirut: Dār Al-Fikr, 1983), 2:80.

⁴² Muhammad Mahfūz Bin 'Abdullah Al-Tarmasī, *Al-Manhal Al-'Amīm Bi ḥāshiah Al-Minhaji Al-Qawīm* (Saudi:Dār Al-Minhāj, 2018), 5:359

⁴³ Syihābudīn Ahmad Bin Muhammad Bin 'Alī Bin Hajar Al-Haitamī, *Tuhfah Al-Muḥtāj Bi Sharah Al-Minhāj* (Beirut: Dār Al-Deyaa, 2020), 7:346.

⁴⁴ Abi Abdullah Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*. (Damsyik: Dar Ibn Kathir, 2002), 364-365.

⁴⁵ Ahmad Bin Hanbal, *Musnad Al-Imam Ahmad Bin Hanbal*, (Beirut: Muassasah Al-Risalah, 2001), 18:97.

⁴⁶ Abi Zakariya Muhyidin Bin Sharaf Al-Nawawi, *Al-Majmu' Sharh Al-Muhazab*. (Saudi: Maktabah Al-Irsyad, t.t), 6:200.

menggunakan *maṣṭalah mursālah* dalam perluasan takrifan asnaf, namun begitu penggunaannya mestilah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh para fuqaha. Ini bagi memastikan objektif zakat untuk membasmi kemiskinan itu dapat dicapai.

Sebagai kesimpulan, perluasan zakat kepada asnaf fi sabilillah ini perlu dinilai dan disemak semula oleh pihak yang berautoriti. Hal ini disebabkan kadar kemiskinan di negara ini semakin hari semakin meningkat. Keperluan untuk membasmi kemiskinan ini termasuk dalam perkara yang daruriyyat dan ia juga merupakan objektif utama dalam pemberian zakat, iaitu untuk membasmi kemiskinan. Peningkatan kemiskinan akan menyebabkan berlakunya lebih banyak masalah sosial akibat daripada tekanan yang dialami dari segenap aspek.

Penghargaan

This article is a part of the findings on a study titled “*Perluasan Takrifan Asnaf Zakat Menurut Perspektif Maṣṭalah*” sponsored by UMG015L-2022 University Grant Research. The highest appreciation is expressed to the sponsor for the research project carried out.

Rujukan

- Abu Zahra, Muhammad, *Usul Fiqh*, Mesir: Dar Al-Fikr Al-‘Arabi, 2003.
- Ahmad Bin Hanbal, *Musnad Al-Imam Ahmad Bin Hanbal*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, 2001.
- Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad Bin Ismail, *Sahih Al-Bukhari*, Damsyik: Dar Ibn Kathir, 1993.
- Al-Buti, Said Ramadan, *Dawabit Al-Maslahah Fi Al-Shariah Al-Islamiyah*. Damsyik: Dar Al-Fikr, 2005.
- Al-Ghazali, Abu Hamid, *Al-Mustasfa fi ‘Ilm al-Usul*, Beirut: Dar al-Kutub Ilmiah, 1993.
- Al-Haitami, Syihabudin Ahmad Bin Muhammad Bin ‘Ali Bin Hajar, *Tuhfah Al-Muhtaj Bi Sharah Al-Minhaj*, Beirut: Dar Al-Deyaa, 2020.
- Al-Jizani, Muhammad Hussin Bin Hassan, *Ma’alim Usul fiqh ‘Inda Ahlu Al-Sunnah Wa Al-Jamaah*, Saudi: Dar Ibn Jauzi, 1427H.
- Al-Munawar, H. Said Agil Husun. “Konsep al-maslahah sebagai salah satu sumber perundangan Islam.” *ISLAMIYYAT*. (1998), 59-75.
- Al-Namlah, Abdul Karim, *Al-Muhazab Fi Ilmi Usul Al-Fiqh Al-Muqaran*, Riyadh: Maktabah Al-Rushd, 1999.
- Al-Nawawi, Abi Zakariya Muhyidin Bin Sharaf, *Al-Majmu’ Sharh Al-Muhazab*, Saudi: Maktabah Al-Irsyad.
- Al-Qardawi, Muhammad Yusuf, *Fiqh Al-Zakat*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, 1973.
- Data Terbuka LZS, (2022). Agihan Mengikut Asnaf Tahun 2021. [Online] laman sesawang : <https://www.zakatselangor.com.my/dataterbukalzs/> (diakses pada 6 Oktober 2023).
- Al-Salmi, Iyad Bin Nami, *Usul Al-Fiqh La Yasau’ Al-Faqih Jahulahu*, Riyadh: Dar Al-Tadmiriyyah, 2005.

- Al-Shafie, Muhammad, *Al-Umm*, Beirut: Dār Al-Fikr, 1983.
- Al-Shairazi, Abu Ishak Ibrahim Bin 'Ali Bin Yusuf, *Al-Muhazab Fi Al-Fiqh Al-Imam Al-Shafie*. Damsyik: Dar Al-Qalam, 1992.
- Al-Shatibi, Ibrahim Bin Musa Bin Muhammad Al-Shaṭībī, *Al-I'tisam*, Saudi: Dār Ibn 'Affan, 1992.
- Al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz Bin 'Abdullah, *Al-Manhal Al-'Amim Bi Hashiah Al-Minhaji Al-Qawim*, Saudi: Dar Al-Minhaj, 2018.
- Al-Zarkasyi, Badrudin Muhammad Bin Abdullah, *Tashnif Al-Musami' bi Jamu' Al-Jawami'*. Mekah: Al-Maktabah Al-Makiyyah, 1998.
- Al-Zuhaily, Wahbah, *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh*. Damsyik, Dar Al-Fikr, 2018.
- Ibn Manẓur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukaram, *Lisan Al-A'rab*. Beirut: Dar Sodir, 1993
- Mohamad Zaim Ismail, Mohd Farhan Md. Ariffin & Mohd Anuar Ramli. Instrumen ijtihad dan aplikasinya dalam isu zakat. Ed. Razali Md. Jani et al., Menelusuri isu-isu kontemporari zakat. (pp. 33-46). Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Nurul Ain Mohd, Mastura Razali, Aina Nabila Asmuri & Muhamad Hasif Yahaya. (2021). Concept of asnaf al-gharimin: practices at Lembaga Zakat Selangor. *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 6, S16 (2021).
- MAIWPNOW Dashboard. (2023). Agihan Zakat Mengikut Asnaf. [Online]. Laman sesawang: <https://maiwpnow.maiwp.gov.my/> (diakses pada 6 Oktober 2023).
- Azman Ab Rahman, Arieff Salleh Rosman & Muhammad Firdaus Ab Rahman Pelaksanaan pengagihan zakat kepada asnaf ar-riqab di Malaysia. Kertas Kerja, Seminar Waqf Iqlimi. USIM Research Repository. [https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/11576/1/Pelaksanaan n%20Pengagihan%20Zakat%20Kepada%20Asnaf%20Ar%20Riqab%20Di%20Malaysia.pdf](https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/11576/1/Pelaksanaan%20Pengagihan%20Zakat%20Kepada%20Asnaf%20Ar%20Riqab%20Di%20Malaysia.pdf), (2014).
- Rosyadi, Imron "Maslahah mursalah sebagai dalil hukum." *Jurnal SUHUF* 24(1), 14 – 25.
- Mansor Sulaiman, Azizurrahman, Fatmawati Latada, Hasan Bin Ahmad & Mohamad Hilmi Bin Mat Said. Ijtihad dan perkaitannya dengan masalah: suatu kupasan. Kertas Kerja, The 4th International Conference on Islam and Higher Education. UMP International Repository. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/23474/1/Ijtihad%20Dan%20Perkaitannya%20Deng an%20Maslahah.pdf>, (2016).
- Zainuddin, Mohd Zaky, Kadar miskin mutlak turun. [online] Laman sesawang: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1133088/kadar-miskin-mutlak-turun> (diakses pada 5 Oktober 2023).

